



12 Ramadhan 1447H
02 Mac 2026M

Rujukan: CL/KM3K/PENT/05/PEN

PERINGATAN MENGENAI PERINTAH KANUN TANAH (PINDAAN) TAHUN 2025

(Untuk disiarkan pada 2 Mac 2026)

Bandar Seri Begawan, 2 Mac 2026 - Jabatan Tanah ingin memperingatkan kepada orang awam, khususnya bagi mereka yang bukan warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap, yang memegang kepentingan tanah di negara ini, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3B dan 3D di dalam Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025, supaya mula menghadapi permohonan pengisytiharan mereka.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Tanah ingin memaklumkan bahawa tempoh satu tahun yang diberikan bagi tujuan pengisytiharan tersebut, yang bermula pada 1 Ogos 2025, kini tinggal 5 bulan sahaja dan akan berakhir pada 31 Julai 2026.

Permohonan tersebut bolehlah dihadapkan terus ke Pejabat Tanah Daerah masing-masing mengikut kedudukan tanah yang akan diisytiharkan. Bagi Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, permohonan bolehlah dihadapkan ke Bahagian Registri dan Hak milik Strata di Tingkat Bawah, Jabatan Tanah.

Sebarang pertanyaan, orang awam bolehlah berhubung terus ataupun menghadirkan diri ke Pejabat Tanah Daerah berkenaan pada waktu pejabat.

Untuk maklumat lanjut mengenai pindaan ini, orang awam bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah di www.land.gov.bn ataupun mengakses akaun instagram rasmi Jabatan di [@jabatantanah.bn](https://www.instagram.com/jabatan_tanah_bn).



#####